

Bil. S 41

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2003/2004) (BIL. 3), 2004

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 8 haribulan Mac, 2004 [S 22/2004] telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut hendaklah termasuk kuasa untuk membuat peruntukan kewangan yang mungkin diperlukan dalam masa tempoh darurat, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus tujuh juta, tiga ratus sembilan puluh satu ribu dan tujuh ratus lapan puluh tiga ringgit (\$4,407,391,783.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2003), 2002 [S 3/03];

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh dua juta, dua ratus empat puluh ribu dan lapan puluh lapan ringgit (\$32,240,088.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2003) (Bil. 1), 2003 [S 49/03];

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lapan ratus lapan puluh tiga juta, lapan puluh tiga ribu dan sembilan ratus sembilan puluh lima ringgit (\$883,083,995.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2003/2004) (Bil. 2), 2003 [S 50/03];

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak empat puluh sembilan juta, lima ratus tiga puluh lima ribu, enam ratus sembilan puluh lima ringgit dan lima puluh enam sen (\$49,535,695.56);

SEKARANG, DARI ITU, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2003/2004), (Bil. 3), 2004.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2003/2004, memperuntukkan dan penggantian jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi empat puluh sembilan juta, lima ratus tiga puluh lima ribu, enam ratus sembilan puluh lima ringgit dan lima puluh enam sen (\$49,535,695.56) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual untuk tahun 2003/2004 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2003), 2002 (S 3/03), Perintah Perbekalan Tambahan (2003) (Bil. 1), 2003 (S 49/03) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2003/2004) (Bil. 2), 2003 (S 50/03), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah cerai (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959 adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1]	[2]	[3]	[4]
Business Unit	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Business Unit	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
	KEMENTERIAN KEWANGAN		
SK05A	Perkhidmatan Rampaian	\$25,645,737.00	\$25,645,737.00

JADUAL — *sambungan*

[1]	[2]	[3]	[4]
Business Unit	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Business Unit	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$ 700,170.00	\$ 700,170.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK05A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$ 5,500,000.00	\$ 5,500,000.00
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN		
SL05A	Pusat Sejarah	\$ 72,284.00	\$ 72,284.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$16,030,621.56	\$16,030,621.56
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
SN04A	Jabatan Penerbangan Awam	\$ 986,883.00	\$ 986,883.00
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$ 600,000.00	\$ 600,000.00
		<u>\$49,535,695.56</u>	<u>\$49,535,695.56</u>

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 22 haribulan Mei, 2004 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM